



**SHARIFF (lima dari kanan) dan Kamisah (lima dari kiri) bergambar dengan pegawai yang menghadiri Bengkel KPI di Hotel Grand Dorsett, kelmarin.**

## Pegawai UMS-KAL jayakan Bengkel KPI 2012

UB 13-01-2012 B12

**S**ERAMAI 45 pegawai kanan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sedang menghadiri Bengkel Laporan Pegecualian Tahun 2011 dan Penetapan Sasaran Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Tahun 2012 di Hotel Grand Dorsett selama tiga hari hingga Sabtu ini.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Dr Shariff Abdul Kadir Omgang.

Hadir sama Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Kamisah Husin, Penolong Pendaftar Kanan Pentadbiran, Musnin Mattersah dan 13 ketua bahagian.

Dalam ucapannya, Prof Dr Shariff menekankan kepentingan semua pegawai dan kakitangan akademik dan bukan akademik supaya menjalankan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dengan sebaik mungkin untuk kepentingan universiti secara keseluruhannya.

Katanya, semua pegawai, pensyarah dan kakitangan mempunyai tanggungjawab masing-masing untuk melaksanakan segala aktiviti dan rancangan yang dirancang oleh pengurusan universiti pada tahun ini.

Beliau berkata penetapan sasaran KPI Tahun 2012 tidak mustahil untuk dicapai sekiranya ianya mendapat kerjasama dan komitmen yang tinggi daripada warga UMS-KAL sendiri.

“Apabila berlaku kesilapan dan kelemahan, hendaklah kita semua bersama-sama berbincang menangani dan mengatasinya demi untuk kebaikan universiti,” katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta pegawai atau ketua bahagian sentiasa

turun padang memantau aktiviti yang dirancang agar ianya menepati sasaran dan berjalan lancar seperti mana yang dikehendaki oleh pengurusan universiti.

Prof Dr Shariff meminta semua kakitangan bekerja keras menambahbaik perkhidmatan di bahagian dan sekolah masing-masing untuk memuaskan hati pelanggan terutama pelajar, kontraktor dan masyarakat setempat.

Tambahnya, selepas kerajaan memberikan pelbagai kemudahan dan imbuhan seperti mana yang terkandung dalam Skim Perkhidmatan Awam Baru (SBPA), kakitangan UMS-KAL harus menunaikan janji untuk meningkatkan prestasi perkhidmatan mengikut bidang tugas masing-masing.

Selain itu, beliau mahu pegawai dan kakitangan senior sentiasa memberikan tunjuk ajar kepada kakitangan yang baru supaya misi, visi dan objektif UMS akan tercapai selaras dengan wawasan Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon untuk menjadikan UMS sebuah universiti yang mampu melahirkan modal insan yang berkualiti pada masa akan datang.

“UMS-KAL mesti berupaya menghasilkan mahasiswa yang berkualiti dan mampu menyumbang sesuatu yang berharga kepada masyarakat dan negara pada masa akan datang,” katanya.

Pada masa sama, Prof Dr Shariff mengingatkan semua kakitangan supaya sentiasa mematuhi peraturan dan tatacara perkhidmatan awam agar hasrat untuk menghasilkan mahasiswa yang diterima oleh masyarakat dan laku di pasaran pekerjaan sama ada di sektor kerajaan mahupun swasta akan tercapai.